

Penubuhan memorial bukan untuk mendewakan pemimpin

UM 21/12/03

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, penubuhan memorial dan galeria adalah untuk memperingati jasa pemimpin terdahulu dan bukan untuk mendewa-dewakan mereka.

Malah bekas Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri tidak mahu rakyat mendewa dan terlalu memujinya, kata Perdana Menteri.

Sebaliknya menurut Abdullah, Galeria Sri Perdana diwujudkan bagi memberi peluang kepada rakyat memahami cara kepimpinan Dr. Mahathir.

“Galeria ini bukan untuk mendewa-dewakan Dr. Mahathir,” katanya dalam ucapan semasa merasmikan Galeria Sri Perdana, iaitu bekas kediaman rasmi Perdana Menteri Keempat di Jalan Damansara, di sini hari ini.

Hadir sama ialah beberapa menteri Kabinet dan pegawai tinggi kerajaan serta anak-anak dan cucu Dr. Mahathir.

Perasmian galeria itu juga adalah sempena ulang tahun ke-78 Dr. Mahathir hari ini.

Penubuhan galeria berkenaan bertujuan mengingati dan mengenang sumbangan Dr. Mahathir sepanjang 22 tahun berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Dr. Mahathir melepaskan jawatan Perdana Menteri kepada Abdullah pada 31 Oktober lalu.

Abdullah berkata, Dr. Mahathir ketika masih menerajui kerajaan tidak mahu namanya digunakan pada mana-mana bangunan.

Sebaliknya Dr. Mahathir berpendapat adalah memadai jika beliau sebagai orang yang turut membantu membangun dan memajukan negara, katanya.

Malah, tegasnya, anak-anak Dr. Mahathir turut menjadi malu apabila bapa mereka terlalu dipuji oleh orang ramai.

Oleh itu, katanya, semua koleksi yang di pameran di Galeria Sri Perdana adalah sebagai mengenang jasa dan kepimpinan Dr. Mahathir.

“Kejayaan Tun Dr. Mahathir perlu diabadikan untuk generasi akan datang dan galeria seperti ini dapat memberi pengajaran kepada kita terutama sekali generasi muda,” katanya.

Jelas Perdana Menteri, segala misi, amalan dan dasar baik Dr. Mahathir perlu dilaksanakan dan sebagai pewaris kepimpinan negara, Abdullah berjanji akan memastikan dasar-dasar itu diteruskan.

Katanya, walaupun pelaksanaan dasar-dasar itu akan mengambil masa yang lama, namun pembangunan negara ini perlu diteruskan.

Abdullah secara berkias berkata, banyak kisah pahit dan manis Dr. Mahathir boleh diketahui seki-

ranya ‘dinding-dinding di galeria ini dapat bercakap’.

Namun usaha Arkib Negara menjadikan Sri Perdana sebagai galeria adalah sesuatu yang patut disanjung memandangkan pelbagai peristiwa penting termasuk mesyuarat dan lawatan pemimpin-pemimpin luar negara berlaku di situ, ujarnya.

Menurutnya, Malaysia merasa sangat bangga dengan kepimpinan Dr. Mahathir yang bukan sahaja dapat memajukan negara tetapi juga mendapat sokongan penuh rakyat.

Bangunan galeria itu yang sebelum ini dikenali sebagai Sri Perdana adalah kediaman rasmi Dr. Mahathir sekeluarga yang mula mendudukinya pada 23 Ogos 1983 hingga 18 Ogos 1999 sebelum beliau berpindah ke kediaman rasmi baru Perdana Menteri di Putrajaya.

Berdasarkan sejarah, nama asal Sri Perdana ialah Sri Timah iaitu bangunan kediaman milik Malaysia Mining Corporation (MMC) dan dibeli oleh Jabatan Perdana Menteri yang kemudian mengubah suai bangunan berkenaan.

Galeri itu dibuka setiap hari, kecuali Isnin, dari pukul 10 pagi hingga 5 petang.

Ia juga dibuka pada cuti umum dan sepanjang cuti sekolah.